



# Rezeki gosok pakaian

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

► Serdang

Masalah kekangan masa dihadapi ramai orang akibat kesibukan menangani pelbagai urusan harian, memberi ilham kepada Husna Mastura Halmi, 22, untuk menyediakan perkhidmatan menggosok pakaian yang secara langsung dapat meringankan beban kerja pihak berkenaan.

Pelajar Bachelor Sains Pertanian itu menjalankan perniagaannya di kios Hanani Shop di Kompleks Mahasiswa, Universiti Putra Malaysia (UPM), dengan mengenakan bayaran serendah 60 sen hingga RM2 sehelai bergantung kepada jenis pakaian dihantar pelanggan.

Beliau berkata, idea menyediakan perkhidmatan itu timbul selepas melihat ibunya yang sibuk bekerja sambil belajar dan menguruskan hal rumah tangga, terpaksa menghantar pakaian ke dobi untuk digosok.

"Perkhidmatan ini mendapat sambutan membangangkan. Ini tidak menghairankan kerana wanita berkerjaya, terutama di

bandar besar, ada banyak urusan perlu dibereskan, justeru perkhidmatan ini memang relevan di kampus.

#### Jual aneka produk

"Selain kakitangan wanita UPM, staf dan pelajar lelaki juga tidak ketinggalan menggunakan perkhidmatan ini, terutama untuk kot atau jaket yang perlu digosok menggunakan seterika wap."

"Servis pengambilan pakaian juga disediakan bagi jumlah melebihi 30 helai, tetapi pelanggan perlu mengambilnya sendiri di kios ini apabila siap digosok," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Selain perkhidmatan menggosok pakaian, Husna Mastura berkata, Hanani Shop turut menjual aneka produk seperti tudung, minyak wangi, pek pelekat buang toksin dan pakaian 'preloved' atau terpakai yang diperoleh daripada warga UPM sendiri.

Beliau berkata, pakaian terpakai itu dijual pada harga RM1 hingga RM15, manakala kakitangan atau pelajar UPM yang menghantarnya akan mendapat 70 peratus daripada hasil diperoleh.

"Konsep

**SERVIS PENGAMBILAN PAKAIAN JUGA DISEDIAKAN BAGI JUMLAH MELEBIHI 30 HELAI, TETAPI PELANGGAN PERLU MENGAMBILNYA SENDIRI DI KIOS INI"**



**Husna Mastura** menyediakan perkhidmatan menggosok pakaian pada harga berpatutan di Hanani Shop.

berniaga pakaian terpakai mungkin suatu yang baru dalam dunia kampus di Malaysia, namun ia sudah lama dilakukan di luar negara dengan hasil jualannya disalurkan untuk tujuan kebaikan.

#### Bantu mangsa banjir

"Ketika Kuantan (Pahang) dilanda banjir, baru-baru ini, saya dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM berjaya mengumpulkan beberapa kotak pakaian untuk disumbangkan selepas mengumumkan keperluan bantuan menerusi laman Facebook MPP UPM," katanya.

Husna Mastura berkata, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (CSDC) UPM banyak membantu beliau memajukan perniagaannya dengan memberi latihan serta pendedahan dalam bidang keusahawanan.

Beliau berkata, pusat itu membimbing pelajar berniaga secara serius, termasuk mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), di samping menganjurkan bengkel keusahawanan.

"Selepas mengikuti beberapa siri program anjuran CSDC, saya lebih memahami selok-belok perniagaan dan kini mampu meraih untung bersih sekitar RM600 sebulan daripada operasi kios ini," katanya.